

DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI GEORGETOWN

DALAM NEGERI PULAU PINANG, MALAYSIA

GUAMAN NO.: PA-A72NCVC-279-08/2020

ANTARA

- 1) THE ROOF HOMES SDN BHD
[No. Syarikat: 1056424-W]
- 2) YAP CHUNG HAN
[No. K/P: 810125145735] ...PLAINTIF

DAN

WEE GUAN SENG
[No. K/P: 800912016589] ...DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

Latar belakang

- 1) Ini adalah rayuan pihak plaintif terhadap keputusan mahkamah yang diberikan pada 22 Ogos 2022 yang telah menolak tuntutan mereka dan membenarkan tuntutan balas defendan.
- 2) Plaintif menuntut sejumlah RM98, 646.20 yang merupakan jumlah yang didakwa pihak plaintif sebagai pinjaman kepada defendan.
- 3) Pihak plaintif mendakwa, wang tersebut merupakan baki dari jumlah keseluruhan RM108, 646.20 yang dipinjam defendan bagi membiayai kos perubatan penyakit kanser yang dihadapi defendan.



Kes plaintif

- 4) Plaintif pertama ialah sebuah syarikat yang menjalankan pelaburan, pemasaran dan penjualan hartanah.
- 5) Bagi tujuan mengembangkan perniagaan di Pulau Pinang, pihak plaintif menyatakan bahawa defendan ialah pekerja kepada defendan pertama merangkap rakan kongsi defendan kedua yang merupakan salah seorang pengarah plaintif pertama. Defendan kemudiannya telah berhenti kerja di plaintif pertama. Hubungan ini bermula pada tahun 2016.
- 6) Pada April 2019, defendan menghidap kanser dan mendapatkan rawatan di hospital swasta iaitu Hospital Lam Wah Ee.
- 7) Oleh kerana kos rawatan yang tinggi, atas permintaan defendan, pihak plaintif telah memberi pinjam RM108, 646.20 kepada defendan untuk membayar kos rawatan tersebut.
- 8) Defendan kemudiannya, pada bulan Ogos 2019, membuat satu bayaran balik RM10, 000 sahaja dari jumlah tersebut dan tidak lagi membayar baki sebanyak RM98, 646.20.
- 9) Atas keengganan dan kegagalan defendan membayar baki RM98, 646.20 ini, pihak plaintif kini memfailkan tuntutan ini di mahkamah.

Kes defendan

- 10) Defendan menafikan bahawa beliau ialah rakan kongsi plaintif kedua. Beliau menegaskan hanya bekerja dengan plaintif pertama dengan



gaji bulanan RM2500 dan juga berhak kepada ½ keuntungan perniagaan plaintif pertama di Pulau Pinang yang beroperasi di bawah nama dan gaya Tetuan Roof Pg. Services yang didaftar atas nama defendan.

- 11) Defendan sememangnya tidak menafikan meminjam dan menerima sejumlah RM108, 646.20 dari pihak plaintif. Ini berdasarkan keterangan beliau di mahkamah.
- 12) Yang dipertikaikan ialah terdapat persetujuan yang dicapai antara pihak-pihak ekoran dari permohonan defendan untuk berhenti kerja di plaintif pertama akibat masalah kesihatan yang beliau hadapi.
- 13) Terdapat perbincangan antara kedua-dua pihak yang melibatkan modal yang telah dikeluarkan defendan dalam pembukaan perniagaan di Pulau Pinang ini, yang akhirnya membawa kepada pihak plaintif yang sebenarnya perlu dan setuju untuk membayar sejumlah RM48, 853.80.
- 14) Defendan mendakwa, di awal penubuhan perniagaan plaintif di Pulau Pinang, defendan lah yang banyak mengeluarkan modal dahulu bagi tujuan antara lainnya untuk pengubahsuaian dan peralatan pejabat.
- 15) Defendan kemudiannya ada menuntut RM147, 500 dari pihak plaintif sebagai baki gaji yang tidak beliau terima dan keuntungan yang beliau berhak dari perniagaan di Pulau Pinang ini.
- 16) Maka, ditolak RM98, 646.20 yang dakwa pihak plaintif sebagai baki pinjaman yang diberi kepada defendan, maka pihak plaintif masih lagi berhutang RM48, 853.80 (seperti dinyatakan di para 13 di atas).



- 17) Hasil perbincangan antara kedua-dua pihak, defendan menyatakan bahawa jumlah RM48, 853.80 tersebut dipersetujui untuk dibayar dalam 8 kali ansuran dan ansuran pertama sebanyak RM6106.72 telah pun dibayar oleh plaintif.

Dapatan mahkamah

- 18) Melihat kepada keseluruhan fakta yang dikemukakan kedua-dua pihak, di atas imbangan kebarangkalian, mahkamah mendapati kes yang dikemukakan oleh defendan adalah benar dan sama sekali telah berjaya menjawab tuntutan pihak plaintif serta berjaya membuktikan tuntutan balas beliau.
- 19) Dari segala keterangan dan bukti yang dikemukakan kedua-dua pihak, mahkamah mendapati eksibit D17 dan D18 telah merungkai isu yang timbul di dalam kes ini.
- 20) Dari perbualan menerusi applikasi “whatsapp” tersebut, jelas ianya menyokong versi defendan.
- 21) Meskipun dihujahkan plaintif bahawa perbualan tersebut tidak melibatkan plaintif pertama mahupu kedua, malah jelas ianya melibatkan seorang bernama Dato’ Nicholas dan pihak TRR iaitu The Roof Reality Sdn Bhd, namun jika diteliti perbualan tersebut, jumlah wang yang diberi pihak plaintif kepada defendan iaitu RM108, 646.20 ada disebut dan membentuk sebahagian jumlah yang dirundingkan.



- 22) Malah persetujuan akhir yang dicapai dalam perbualan itu iaitu satu jumlah bayaran sebanyak RM48, 853.60, dibayar dalam 8 kali ansuran adalah bertepatan dengan versi defendan.
- 23) Ansuran pertama telah dibayar sepertimana dibuktikan di eksibit D19.
- 24) Saksi plaintif juga di dalam keterangannya mengakui kepada penyelesaian seperti yang tertera di dalam D17 dan D18 ini. Keterangan saksi plaintif di muka surat 24 hingga 26 nota keterangan adalah dirujuk.
- 25) Maka, di atas beban pembuktian kes sivil iaitu di atas imbangan kebarangkalian (on balance of probabilities), maka jelas versi defendan adalah benar dan munasabah. Di dalam kes **INAS FAIQAH MOHD HELMI (A CHILD SING THROUGH HER FATHER AND NEXT FRIEND; MOHD HELMI ABDUL AZIZ) v. KERAJAAN MALAYSIA & ORS [2016] 2 CLJ 885**, Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut: *“The standard of proof in civil cases is the legal standard to which a party is required to prove its case, namely on a balance of probabilities. In civil litigation, the question of the probability or improbability of an action occurring is an important consideration to be taken into account in deciding whether that particular event had actually taken place or not”*.
- 26) Di dalam kes **MUNIANDY & ORS v. PUBLIC PROSECUTOR [1966] 1 LNS 110** pula, Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti



berikut: *“In the instant case, it is stated by the learned trial Judge as the ground for his belief in the main prosecution witnesses, that they had been unshaken in cross-examination. In our view, being unshaken in cross-examination is not per se an all-sufficient acid test of credibility. **The inherent probability or improbability of a fact in issue must be the prime consideration.** The fact that the trial Judge believed implicitly in the truthfulness of Nagarachnam and Ramasamy does not preclude closer scrutiny of their evidence and this we have done”.*

27) Jelas, versi defendan lah yang paling berkemungkinan (*more probable*) berdasarkan eksibit D17, D18 dan D19.

Disediakan oleh:

t.t.

(Mohd Hadi Hakimi bin Harun)

Majistret,
Mahkamah Majistret Sivil (1) Georgetown,
Pulau Pinang.

Bertarikh: 26 Oktober 2022.

